

SUMBANGAN WANITA PADA ZAMAN RASULLULLAH S.A.W. DALAM PEMBINAAN TAMADUN ISLAM

Ustazah Minah Dibok

Abstrak

Artikel jni cuba meninjau lebih dekat sumbangan yang dimainkan oleh wanita Islam pada zaman Rasulullah S.A.W dalam usaha untuk membangunkan tamadun Islam. Penulisan ini bertujuan meninjau kecemerlangan tamadun Islam yang pernah dicapai pada zaman Rasulullah agar dapat diwujudkan pada abad ini selaras dengan peranan Islam sebagai ‘way of life’. Diharapkan juga agar wanita Islam hari ini mencontohi keperibadian wanita Islam pada zaman Rasulullah S.A.W bukannya wanita barat yang menyesatkan.

1.0 PENGENALAN

Wanita memainkan peranan yang penting dalam pembinaan tamadun dunia, kerana ia menepati fungsi wanita sebagai tiang negara dan pendidik kepada generasi akan datang. Jika baik wanita maka baiklah negara, jika buruk wanita maka buruklah negara. Dalam sirah perjuangan Rasulullah S.A.W peranan wanita dalam menjayakan visi baginda amat tinggi. Mereka telah berjaya menjadi isteri yang dimuliakan oleh Allah S.W.T dan ibu yang melahirkan tokoh-tokoh kebanggaan Islam. Nikmat Islam yang kita hirup hari ini adalah lambang kejayaan pengorbanan mereka. Oleh itu untuk menjadikan negara ini sebuah negara maju seperti yang dicita-citakan dalam wawasan 2020, wanita Islam seharusnya mencontohi kehidupan wanita Islam pada zaman Rasulullah S.A.W dalam pembinaan tamadun, agar tamadun yang akan dibina di negara ini tidak melenceng daripada kehendak Allah S.W.T, yang hanya berbentuk pembangunan material semata-mata dengan mengenepikan kerohanian , sebagaimana firman Allah yang bermaksud:-

"Keputusan itu hanyalah kepunyaan Allah. Dia telah memerintah agar kamu tidak menyembah selain Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

(Maksud al-Qur'an, Surah Yusuf ayat 40)

2.0 KONSEP TAMADUN MENURUT PANDANGAN ISLAM

Muhammad Uthman al Muhammady mengatakan bahawa pembentukan tamadun dan kebudayaan Islam adalah berteraskan kepada ajaran Islam sebagai al-Din. Islam adalah cara hidup tersempurna dan menyeluruh yang meresap masuk ke dalam aspek kehidupan manusia dan tiada ruang dan masa walau sesaat juga pun dalam kehidupan manusia yang terlepas daripada konsep al-Din. Islam bercirikan akidah, syariah dan akhlak yang merupakan nadi penggerak yang mencetuskan tamadun dan kebudayaan manusia.¹

Menurut Malik bin Nabi pula tamadun tidak mungkin lahir melainkan dengan adanya kepercayaan keagamaan. Kerana itu, dalam mengkaji sesuatu tamadun perlu dicari sumber keagamaannya. Malah tamadun sesuatu umat itu tidak akan lahir melainkan mengikut wahyu yang diturunkan daripada langit.² Dalam huraiyan yang lain beliau ada mengatakan bahawa tamadun tidak akan lahir dari longgokan benda-benda. Ia lahir dari dasar hati manusia.³

Daripada pendapat tokoh-tokoh Islam di atas, jelas menunjukkan bahawa tamadun menurut konsep Islam ialah pembangunan rohani dan akal manusia dengan nilai-nilai iman dan ilmu untuk melahirkan insan salih yang akan mengabdiikan diri kepada Allah S.W.T, disamping pembangunan material sebagai pelengkap kepada kehidupan manusia.

3.0 SUMBANGAN WANITA ISLAM DALAM PEMBINAAN TAMADUN PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W

Dalam proses pembinaan tamadun Islam unsur keimanan dan akhlak yang pada individu muslim itu adalah menjadi asas utama pembinaan tamadun Islam. Tamadun akan runtuh seandainya umat Islam tidak beriman dan tidak berakhlik. Oleh itu elok kita tinjau sejauh mana kekuatan iman yang dimiliki oleh wanita Islam pada zaman Rasulullah S.A.W sehingga mereka berjaya mencipta tamadun teragung dalam sejarah manusia.

1. Azam Hamzah dan Zulekha Yusuf. Tamadun Islam Konsep dan Pencapaiannya (Kuala Lumpur : Penerbitan Hizbi, 1990), hal. 23.

2. Abdul Latif Muda. Pemikiran Islam Menghadapi Cabaran. (Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, 1983/1403), hal. 14.

3. Ibid., hal 13.

3. 1 Aspek Pembentukan Iman

Pada zaman Rasulullah S.A.W bukan sahaja kaum lelaki yang mempunyai keimanan yang kuat sentiasa bersedia untuk melaksanakan perintah Allah pada setiap masa begitu juga kaum wanitanya sentiasa berdiri dibelakang para sahabat untuk menegakkan Islam pada masa itu, sehingga mereka berjaya melahirkan generasi yang salih dan kuat berjihad pada jalan Allah.

Ini dapat dilihat pada Sayiditina Khadijah bt Khuwailid, waktu wahu pertama diturunkan kepada Rasulullah S.A.W adalah merupakan saat yang mencemaskan. Baginda terus kembali kepada Khadijah dan menceritakan apa yang berlaku ke atas baginda. Khadijah dengan dada terbuka mendengar apa yang diceritakan oleh Rasulullah S.A.W dan memberi jawapan yang positif sekali katanya:

"Aku menyahut seruanmu ya Muhammad, serulah diriku sebelum engkau menyeru manusia lain. Sesungguhnya aku adalah wanitamu yang pertama menerima seruanmu, aku percaya akan risalahmu dan aku beriman kepada Tuhanmu".

Seterusnya untuk mententeramkan lagi jiwa Rasulullah S.A.W, Khadijah berkata lagi, "Demi Allah ingatlah bahawa Allah tidak akan mensia-sia dan menghina engkau selama-lamanya. Sesungguhnya engkau akan mengeratkan tali silaturahim dan aku akan memikul tanggungjawab dan akan menanggung penderitaan pada jalan kebenaran".¹

Khadijah menjadi orang yang pertama percayakan Allah dan Rasulullah. Daripada saat itulah bermulanya seorang wanita memegang peranan penting menyebarkan Din al-Islam, menguatkan akidah tauhid, membina dunia Islam dan mempertingkatkan kemanusiaan.

Begitu juga keimanan yang ada pada Sumaiyah binti Khayyat serta keluarganya yang telah menerima Islam dan pada peringkat awal lagi telah menjadi pendokong Islam yang setia dan baik. Walaupun mereka diseksa oleh golongan musyrikin dengan hebatnya namun mereka tetap tabah dan tetap yakin dengan pegangannya terhadap Islam.

1. Che Badariah Ngah, Cara Rasulullah(saw)Mendidik Kaum Wanita Dalam Kepimpinan Sm.P.I (Hons) Universiti Kebangsaan Malaysia, hal 134 (sesi 1983/1984)

Pernah Rasulullah S.A.W terjumpa Sumaiyah, Yasir suaminya dan Ammar anaknya sedang diseksa di tengah padang pasir Mekah yang panas lalu baginda memujuk dan menguatkan hati mereka dengan katanya, "Sabarlah kalian wahai keluarga Yasir, ganjaran untuk kalian adalah syurga". Mengikut riwayat Sumaiyah akhirnya gugur sebagai syuhada' yang pertama dalam perjuangan Islam setelah Abu Jahal menghunjamkan lembingnya di peha Sumaiyah di sebelah atas lalu tembus ke kemaluannya. Ammar pernah menceritakan penderitaan ibunya kepada Rasulullah S.A.W lantas baginda terus mengangkat tangan memohon doa : "Ya Allah, janganlah Engkau seksa siapa pun lagi daripada keluarga Yasir dengan api neraka".

Suatu yang mengagumkan wanita yang rata-rata terkenal sebagai seorang yang lemah lembut jika dibandingkan dengan lelaki, tetapi boleh bertahan dengan penyeksaan yang amat dahsyat demi untuk mempertahankan akidahnya walaupun terpaksa menggadai nyawa sekalipun. Sikap Sumaiyah ini telah memberi dorongan kepada kaum muslimin dan muslimat pada masa itu untuk terus mengikuti ajaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W walaupun terpaksa menghadapi pelbagai bentuk penyeksaan daripada kaum kafir. Sifat Sumaiyah ini perlu dicontohi oleh wanita zaman kini. Mereka tidak seharusnya asyik mengira harta atau menghias diri dengan fesyen-fesyen pakaian mengikut cara barat, tetapi hati mereka kosong tanpa cahaya iman. Mereka perlu kembali kepada ajaran Islam dan mengisi dada mereka dengan ajaran Islam serta menunjukkan akhlak sebagai seorang muslimah yang sebenarnya demi untuk melahirkan muslim yang kuat keimanannya yang dapat menolak segala budaya barat yang merosakkan akhlak muda-mudi hari ini.

Beginu juga keimanan yang ada pada Fatimah binti al-Khattab walaupun ditentang oleh ayahnya al-Khattab, ayah saudaranya Abu Jahal dan saudaranya Umar (sebelum Islam) namun ia tetap berpegang kepada Islam bersama-sama suaminya. Demikian juga dalam peristiwa kedatangan Umar semasa ia sedang membaca al-Qur'an, walau pun ia dibelasah bersama suaminya, Fatimah tidak berganjak walau seinci pun daripada jalan Allah S.A.W. Dia memberitahu Umar bahawa ia rela mati daripada menyimpangi jalan al-Haq yang telah ditemuinya. Dengan ketegasan Fatimah ini, Umar telah memeluk Islam setelah membaca ayat al-Qur'an dari Surah Taha.¹

طَهٌ ﴿١﴾ مَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْءَانَ لِتَشْفَعَ بِهِ إِلَّا نَذَرٌ
لِمَن يَخْشَى ﴿٢﴾

1. al-Qur'an, Surah Taha, 20 : 1-3

3.2 Aspek Penyebaran Dakwah

Sejarah telah merakamkan bahawa salah satu faktor kejayaan Rasulullah S.A.W dalam perjuangan baginda mengembangkan risalah Islam ialah hasil bantuan dan sokongan yang jitu daripada isteri-isteri baginda S.A.W dan wanita Islam yang lain. Mereka bukan sahaja memberi sokongan dalam bentuk spiritual malahan juga dalam bentuk material. Sayidatina Khadijah R.A misalnya adalah merupakan wanita yang paling banyak memberi sumbangan baktinya kepada perjuangan Rasulullah S.A.W. Keunggulan dan kegigihannya ialah yang menyebabkan Rasulullah S.A.W berjaya dalam mengembangkan dakwah Islamiah.

Sayidatina Khadijah R.A telah mengikut serta berdakwah ke mana sahaja Rasulullah pergi. Beliau telah bersama-sama berdakwah dan bersama-sama pula menerima percubaan dan penderitaan. Ketabahan hati Khadijah menjadi perangsang perjuangan Rasulullah S.A.W. Beliau adalah satu-satunya isteri Rasulullah S.A.W yang telah menjadi lambang kemegahan dalam sejarah perjuangan Islam, sanggup menukar hidup yang penuh dengan kemewahan dan kenikmatan yang melimpah pada dirinya, kepada hidup yang penuh perjuangan. Bagi Rasulullah, Khadijah adalah penasihat yang paling hampir kepadanya, tempat baginda meluahkan segala masalah dan teman penghibur dalam meneruskan cita-cita menegakkan DIn Allah S.W.T. Wajarlah ia mendapat kurniaan Allah S.W.T seperti yang dijanjikan oleh Rasulullah S.A.W.

"Aku diperintahkan supaya menyampaikan khabar gembira kepada Khadijah dengan kurniaan rumah dari mutiara yang diukir, yang tiada gangguan dan kepenatan lagi di dalamnya."

(Riwayat Bukhari, Muslim, Tarmizi dan Ahmad bin Hambal)

Beginu juga semasa perjuangan bersama-sama Nabi Muhammad S.A.W menyebarkan Islam, Khadijah pernah menerima salam daripada Allah S.W.T. yang disampaikan oleh Jibril kepada Nabi Muhammad S.A.W; Rasulullah S.A.W bersabda "Wahai Khadijah sesungguhnya Jibril menyampaikan salam kepadamu daripada Allah rabbul al-Alamin. Khadijah menjawab salam dengan katanya":

(Allah Maha Penyelamat, daripadanya keselamatan dan kepadanya keselamatan, semoga keselamatan atas Jibril A.S).

Oleh kerana pengorbanan yang begitu besar terhadap Islam maka Rasulullah S.A.W amat menyayangi Khadijah dan selalu memujinya walaupun Khadijah telah meninggal dunia. Diriwayatkan daripada Sayidina Ali bahawa dia pernah mendengar Rasulullah S.A.W berkata,

"Wanita yang paling baik pada zamannya ialah Mariam anak Imran dan wanita yang paling baik pada zaman ini pula ialah Khadijah anak Khuwailid".

Contoh yang lain dapat dilihat daripada sumbangan yang dilakukan oleh Asma' binti Abu Bakar. Beliau telah diarahkan oleh bapanya untuk membekalkan makanan dan sebarang keperluan ketika Rasulullah S.A.W dan bapanya berada di Gua Thur sebelum berhijrah ke Madinah. Asma' telah menunjukkan t kewibawaannya sebagai seorang wanita yang menunaikan amanah Allah dan Rasul demi untuk menjayakan perjuangan Islam yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W daripada diketahui oleh pihak musuh Islam. Pengorbanan dan sifat amanahnya dapat dilihat daripada peristiwa ketika Rasulullah S.A.W dan Sayidina Abu Bakar telah keluar meninggalkan Makkah. Sekumpulan kecil orang Quraish berserta Abu Jahal telah datang lalu mereka berhenti di hadapan pintu rumah Abu Bakar R.A. Asma' menghampiri mereka dan mereka bertanya kepadanya tentang bapanya, Asma' menjawab bahawa dia tidak tahu ke mana bapanya telah pergi. Lantas dengan itu Abu Jahal mengangkat tangannya lalu menampar muka Asma' sehingga terpelanting subangnya.¹

Asma' juga diberi gelaran sebagai Zatu-Nitaqain (Wanita yang mempunyai dua ikat pinggang), kerana telah menggunakan dua ikat pinggang yang dipakainya untuk dijadikan sebagai tali pengikat bungkusn bekalan kepada Rasulullah S.A.W dan ayahandanya Abu Bakar semasa di Gua Thur.

Ringkasnya semua ummahat al-Mukminin (isteri-isteri Rasullah) dan wanita-wanita Islam yang lain telah memainkan peranan yang penting bersama-sama Rasulullah dan para sahabat yang lain dalam mengembangkan dakwah Islamiah. Pengorbanan yang mereka lakukan bukan sahaja dalam bentuk spiritual bahkan juga dalam bentuk material. Mereka sentiasa memberi perangsang, galakan serta dorongan kepada Rasulullah S.A.W dalam menegakkan dakwah Islam. Peranan ini sepatutnya menjadi contoh dan perangsang kepada wanita Islam hari ini untuk bangun bersama-sama kaum lelaki dalam menyebarkan dakwah di tengah-tengah masyarakat Islam yang dilanda semangat jahiliah yang begitu serius. Wanita Islam hari ini tidak sepatutnya hanya memperjuangkan hak wanita seperti yang dilauangkan oleh wanita barat yang bertentangan dengan syariat Islam dan menjelaskan kewanitaannya. Sebaliknya mereka mestilah melihat kepada krisis yang melanda masyarakat Islam hari ini serta berusaha mengembalikan mereka kepada jalan Islam agar hasrat untuk melahirkan sebuah masyarakat Islam akan berjaya dan seterusnya tamadun Islam akan berjaya dibina.

1. Siti Zulaikha Mohd Nor, Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam. (Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, 1981/1402 H) hal. 25

3.3. Aspek Peperangan

Wanita Islam pada zaman Rasulullah S.A.W bukan sahaja kuat beribadah dengan solat dan puasa serta mentaati suami mereka, malah mereka juga mengiringi kaum lelaki dalam medan peperangan untuk menegakkan Islam. Mereka adalah srikandi jihad, meletakkan kepentingan Islam melebihi kecintaan kepada suami dan anak-anak. Mereka tidak gentar untuk melepaskan anak-anak mereka ke medan peperangan, malah kematian syahid di kalangan anak-anak mereka menjadi cita-cita mereka.

Menurut al-Bukhari di dalam peperangan Uhud, Aishah membawa air di dalam sebuah beg kulit untuk diberikan kepada askar-askar yang tercedera. Ummu Salim juga sama-sama menolong beliau¹. Begitu juga Sayidatina Fatimah R.A, puteri Rasulullah S.A.W, telah bertugas sebagai perawat orang-orang yang cedera dan luka. Ketika Rasulullah S.A.W luka dan cedera parah dalam peperangan Uhud beliau telah membasuh luka rasulullah S.A.W lalu diletakkan ubat dan membalut luka ayahandanya.

Wanita-wanita Islam yang mengiringi dalam peperangan bukan sahaja tertumpu kepada penyertaan para isteri Rasulullah S.A.W sahaja, malah wanita biasa juga turut sama menyumbang tenaga mereka. Bermula daripada peperangan Uhud, wanita telah turut menyertai kaum lelaki di medan peperangan. Umpamanya Ummu Sulaym Rabi' binti Muadh, Ummu Raqida telah menyertai kaum lelaki di medan peperangan. Ummu Sulaym misalnya telah menyertai peperangan dengan bertugas merawat tentera yang cedera, memberi makan dan minuman. Ummu Attiya pula memikul tanggungjawab menyediakan makanan untuk para sahabat dalam tujuh medan peperangan. Menurut al-Tabari wanita dan kanak-kanak pernah ditugaskan untuk menggali kubur di medan peperangan².

Di samping itu kaum wanita Islam juga berperanan meniupkan semangat jihad di kalangan para pejuang Islam untuk terus berjuang menentang musuh Islam. Contohnya Safiyyah bt Abdul Muttalib, ibu saudara kepada Rasulullah S.A.W telah berjaya mengarahkan kembali para pejuang Islam ke medan pertempuran ketika umat Islam mengalami kekalahan. Begitu juga dalam peperangan Khaibar, pada suatu ketika Ummu Zyed R.A berkata "Saya bersama-sama dengan lima orang wanita lain dari al-Madinah telah keluar mengikut tentera dengan berjalan kaki hingga sampai ke medan peperangan. Di samping memberi semangat untuk terus berjuang, mereka juga membekalkan anak-anak panah, merawat mereka bila mereka sakit, di samping menyediakan makanan untuk mereka"

1. Ummu Urwah, Isteri-isteri Rasulullah S.A.W (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1987), hal 139

2. Siti Zulaikha Mohd Nor, Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam, hal 24

Dalam sejarah Islam, sumbangan yang dilakukan oleh Ummu Ammarah Nasibah bt Kaab di medan jihad amatlah besar dan mengagumkan. Beliau dikatakan telah mendapat dua belas liang luka dalam peperangan Uhud, kerana menangkis pukulan dan lontaran anak panah yang ditujukan kepada Rasulullah S.A.W, seolah-olah pada saat itu beliau menjadi perisai yang melindungi Rasulullah S.A.W. Beliau telah mengikuti banyak peperangan yang lain seperti peperangan Khaibar, Umratul Qadha', Hunain dan Yamamah. Dalam peperangan Yamamah, Ummu Ammarah telah mendapat sebelas liang luka dan telah kehilangan sebelah tangannya sehingga Rasulullah S.A. telah menyifatkannya beliau sebagai srikandi Bani Najjar yang terpilih. Sabda Rasulullah S.A.W:

"Kalangan Ansar yang terpilih ialah Bani Najjar, dia adalah srikandi Ansar yang sangat terbilang. Dia akan diberkati Allah. Tempatnya kelak disyurga Illiyien bersama-sama para nabi, para shuhada' dan para salihin".

Kegigihan dan semangat juang yang ditunjukkan oleh wanita Islam pada zaman Rasulullah S.A.W sepatutnya menjadi contoh dan teladan kepada wanita Islam hari ini. Setiap wanita Islam hendaklah menjadi mujahidin yang sentiasa bersedia menyahut panggilan jihad demi masa depan Islam.

3.4. Aspek Ilmu Pengetahuan

Dalam proses pembinaan tamadun Islam, ilmu memainkan peranan penting untuk melahirkan masyarakat beriman, berakhlaq dan maju di bidang kehidupan yang lain. Rasulullah S.A.W selaku pemimpin negara amat mementingkan ilmu di kalangan para sahabat. Baginda selalu mengajar dan mentarbiyahkan para sahabat di masjid dan di mana-mana sahaja baginda berada. Begitu juga kaum wanita pada masa itu, mereka amat berminat untuk menuntut ilmu daripada Rasulullah S.A.W dan daripada suami mereka. Tokoh wanita yang paling terkenal di zaman Rasulullah S.A.W yang telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan untuk generasi Islam ialah Sayidatina Aisyah R.A. Para ulama dan sahabat telah mengakui beliau seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang amat luas. Kelebihan Aishah dalam bidang keilmuan seperti yang diakui oleh Abu Musa R.A dengan kata-katanya, "Apa sahaja yang kami musykilkhan lalu kami bertanya Aisyah nescaya kami temui ilmu di sisinya. Sementara Imam al-Zuhri pula pernah berkata,

"Andainya kami kumpulkan ilmu Aisyah dengan ilmu semua isteri-isteri Rasulullah dengan wanita seluruhnya, nescaya ilmu Aisyah lebih banyak".¹

1. Che Badariah Ngah, Cara Rasulullah S.A.W Mendidik Kaum Wanita dalam Kepimpinan, hal. 139

Bidang ilmu pengetahuan Aisyah meliputi semua aspek sama ada al-Qur'an, faraid, halal dan haram, fikah, syair, perubatan, sejarah Arab dan ilmu mengenai salasilah-salasilah.¹ Jelaslah bahawa Aisyah tergolong sebagai seorang mujtahidin yang setanding dengan para sahabat yang lain seperti Umar, Ali, Abdullah bin Mas'ud dan Abdullah bin Abbas. Beliau pernah memberi fatwa semasa pemerintahan Sayidina Abu Bakar, Umar dan Uthman R.A. Beliau telah meriwayatkan kira-kira 1,100 hadis atau mengikut riwayat yang lain berjumlah 2,210 hadis. Terdapat dalam sahih Bukhari dan Muslim sebanyak 174 hadis, Bukhari sahaja 54 hadis, dan Muslim sahaja 69 buah hadis.

Ringkasnya seluruh kehidupan Aisyah diisi dengan ilmu pengetahuan, mencurahkan segala ilmu yang ada kepada umat manusia seluruhnya. Semasa hayatnya Rasulullah S.A.W, dia memainkan peranan penting dalam memahamkan umat Islam mengenai perkara-perkara yang mereka tidak fahami dalam masalah berhubung dengan kewanitaan. Sesudah wafat Rasulullah S.A.W, beliau menjadi sumber rujukan yang utama dalam semua perkara mengenai al-Quran, fikah, hadis dan sebagainya.

Selain daripada itu isteri Rasulullah S.A.W yang bernama Hafsa binti Umar juga memberi sumbangan dalam bidang keilmuan. Hafsa telah menjadi penjaga salinan asli al-quran yang pertama yang telah dikumpulkan oleh Zaid bin Thabit atas arahan khalifah Abu Bakar. Apa yang dilakukan ini adalah suatu amanah besar yang dilakukan oleh Hafsa untuk kepentingan umat Islam seluruhnya.

3.5. Aspek Kebendaan

Wanita Islam juga melibatkan diri secara tidak langsung dalam bidang kebendaan demi untuk memenuhi keperluan hidup mereka di samping untuk memajukan negara yang dibina oleh Rasulullah S.A.W. Mereka hanya bertindak sebagai pembantu kepada para suami mereka. Contohnya mereka melakukan kerja sampingan seperti menjahit pakaian dan membuat makanan, terutamanya roti. Hasil pendapatan ini telah berjaya meningkatkan taraf hidup masyarakat Madinah.

1. Ummu Urwah. Isteri-isteri Rasulullah S.A.W. hal 53

4.0 KESIMPULAN

Wanita Islam pada zaman Rasulullah S.A.W menjadi ibu mithali kepada seluruh wanita Islam kerana keperibadian yang mereka tunjukkan adalah melambangkan keperibadian wanita yang beriman dan salih sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Di samping pengorbanan yang mereka lakukan untuk membangunkan tamadun Islam yang teragung pada zaman Rasulullah, perjuangan mereka adalah satu sumbangan yang amat besar yang dirakamkan oleh sejarah, dan menjadi contoh kepada wanita Islam hari ini dalam usaha untuk membangunkan semula tamadun Islam.

BIBLIOGRAFI

Al Qur'an Karim

Abdul Ghani Shamsudin. Sekitar Persoalan Wanita Tokoh dan Mithaliah. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia. 1986-1407.

Abdul Hadi Awang. Fiqh Al-Harakah Dari Sirah Nabawiyah. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar. 1987

Abdul Latif Muda. Pemikiran Islam Menghadapi Cabaran. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia. 1983/1403.

Azam Hamzah dan Zulekha Yusuf. Tamadun Islam, Konsep dan Pencapaiannya. Kuala Lumpur : Penerbit Hizbi. 1990.

Che Badariah Ngah. Cara Rasulullah S.A.W Mendidik Kaum Wanita Dalam Kepimpinan. Sm P.I (Hons) Universiti Kebangsaan Malaysia (Sesi 1983/1984).

Siti Zulaikha Mohd Nor. Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia 1981/1402)

Ummu Urwah. Isteri-isteri Rasulullah S.A.W Kuala Lumpur : Pustaka Salam. 1987.